TABUNG HAJI

MINGGU 10

IBADAT UMRAH, NIAT BERSYARAT DAN TAWAF WADA'

Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

1. Mengetahui pengertian, rukun, wajib dan cara mengerjakan umrah.
2. Memahami maksud niat bersyarat.
3. Mengetahui pengertian, hukum dan permasalahan Tawaf Wada'.

ISI KANDUNGAN

1 **Umrah**
- Rukun Umrah 1: Niat Ihram Umrah
- Pakaian Ihram
- Wajib Umrah 2: Meninggalkan Larangan Ihram

2 **Niat bersyarat**

3 **Umrah**
- Rukun Umrah 2: Tawaf
- Rukun Umrah 3: Sa'ie
  Rukun Umrah 4: Bercukur /bergunting
  Rukun Umrah 5: Tertib

4 **Tawaf Wada' (Tawaf Selamat Tinggal)**

UMRAH

UMRAH

Umrah ialah mengunjungi Baitullah al-Haram (Kaabah) di Makkah pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.



وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ ۚ

"Dan tunaikanlah haji dan umrah kerana Allah S.W.T."

Surah al-Baqarah: ayat 196

UMRAH

RUKUN UMRAH

- Niat ihram umrah
- Tawaf
- Sa'ie
- Bergunting/bercukur
- Tertib

WAJIB UMRAH


- Niat ihram umrah di miqat
- Meninggalkan perkara larangan semasa dalam ihram

NOTA


*Sebelum berniat, jemaah lelaki WAJIB berpakaian ihram.
*HARUS berniat ihram sebelum miqat.
*Setelah berniat ihram WAJIB meninggalkan larangan dalam ihram.

UMRAH

Pakaian Ihram



Dua helai kain lepas (tidak bercantum); sehelai dipakai untuk menutup auratnya di antara pusat dan lutut (Izar) dan sehelai lagi dibuat selendang (Rida'). Disunatkan berwarna putih.



Pakaian ihram bagi wanita pula hendaklah menutup semua anggota tubuh selain muka dan dua telapak tangan (tiada pakaian khusus seperti jemaah haji lelaki).

UMRAH

Pakaian Ihram

Ihram Lelaki Secara Idhtiba'(menampakkan bahu kanan):

- Hanya sunat dipakai semasa Tawaf yang diiringi dengan Sa'ie sahaja dan semasa Sa'ie.
- Tidak disunatkan beridhtiba' semasa di lokasi lain seperti stesen berlepas dan sebagainya.
- MAKRUH solat dalam keadaan beridhtiba'.



UMRAH

Pakaian Ihram



Selipar atau sandal yang dipakai oleh jemaah haji lelaki semasa dalam ihram hendaklah menampakkan tumit dan sekurang-kurangnya hujung tiga jari kaki.

NOTA Keputusan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-39 Musim Haji 1444H/2022M.

UMRAH

Pakaian Ihram (Wanita)



Elak memakai cermin mata yang besar

- Elak daripada bersolek tanpa keperluan bagi mengelakkan fitnah dan riya'.
- Pastikan aurat dijaga.
- Pakai kain telekung dan pakaian yang bersesuaian agar tidak menampakkan bentuk badan/aurat.
- Disyorkan memakai stoking tebal dan panjang supaya tidak menampakkan aurat.
- Elak memakai cermin mata yang besar sehingga menutup sebahagian dan melekap dimuka.
- Sekiranya memakai pakaian berwarna putih, pastikan ia tidak jarang.

UMRAH

Amalan Sunat Ihram

SEBELUM BERNIAT IHRAM

- Mengerat kuku
- Merapikan misai dan rambut
- Menanggalkan bulu ketiak dan ari-ari
- Memakai minyak rambut
- Memakai minyak wangi (di badan)
- Mandi sunat ihram
- Berwuduk
- Memakai kain ihram berwarna putih
- Solat sunat ihram (bukan pada waktu Tahrim)

SEMASA BERNIAT IHRAM

- Mengadap ke arah kiblat
- Di atas kenderaan
- Berada dalam keadaan wuduk

SELEPAS BERNIAT IHRAM

- Bertalbiah, berdoa, membaca al-Quran dan berzikir
- Tidak berbual kosong (lagha)

UMRAH

Miqat Umrah

Miqat makani (tempat) bagi penduduk luar Makkah


- Yalamlam - yang datang dari arah Yaman
- Bi'r Ali - yang datang dari arah Madinah
- Al-Juhfah - yang datang dari arah Syam
- Qarn al-Manazil - yang datang dari arah Asia
- Zat 'Irq - yang datang dari arah Iraq

Miqat Makani (tempat) umrah bagi jemaah atau penduduk yang berada dalam Makkah iaitu keluar ke Tanah Halal

- Ji'ranah
- Tan'im
- Hudaibiyah (Syumaisiy)

UMRAH

Miqat Umrah



UMRAH

Rukun Umrah 1: Niat Ihram Umrah



Lafaz

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى


Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala.

Niat dalam hati

UMRAH

Wajib Umrah 2: Meninggalkan Larangan Ihram

JENIS TARAFFUH (BERSUKA/BERSERONOK/BERHIAS)

1.  Memakai pakaian bersarung dan bercantum (Lelaki)
2.  Menutup kepala/sebahagian daripadanya (Lelaki)
3.  Menutup muka (Wanita)
4.  Memakai sarung tangan
5.  Memakai minyak di kepala/janggut/semua bulu di muka selain daripada bulu halus yang tumbuh di pipi dan dahi
6.  Memakai dan menghidu wangian sama ada di badan dan pakaian
7.  Pendahuluan persetubuhan
8.  Melakukan persetubuhan
9.  Berkahwin/mengahwinkan /menerima wakil kahwin

Sengaja: Berdosa & dikenakan dam.
Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa & tidak dikenakan dam.

UMRAH

Wajib Umrah 2: Meninggalkan Larangan Ihram

JENIS ITLAF (MENGGUGUR/MENGHILANG/MEROSAK/MEMBINASA)

10.  Menanggalkan rambut atau bulu

11.  Mengerat atau memotong kuku

12.  Menebang, mencabut pokok/tumbuh-tumbuhan di Tanah Haram

13.  Memburu dan membunuh binatang buruan

* Perkara no. 12 & 13 tidak boleh dilakukan dalam Tanah Haram walaupun semasa berihram atau di luar ihram.

Sengaja: Berdosa & dikenakan dam.
Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa tetapi dikenakan dam.

UMRAH

Wajib Umrah 2: Meninggalkan Larangan Ihram

JENIS TARAFFUH (Bersuka/Berseronok/Berhias)

1. Menutup kepala (lelaki)
2. Memakai pakaian bersarung (lelaki)
3. Menutup muka (perempuan)
4. Memakai sarung tangan
5. Mengenakan bau-bauan
6. Memakai minyak di kepala & janggut
7. Muqadimah jima'

8. Bersetubuh

9. Nikah kahwin

NOTA

Sengaja:
- Berdosa & dikenakan dam.

Tidak sengaja/Jahil:
- Tidak berdosa
- Tidak dikenakan dam.

Dam Takhyir & Taqdir

Dam Takhyir & Ta'dil

Dam Tertib & Ta'dil

Tiada Dam. Nikah tidak sah

JENIS ITLAF (Menggugur/Menghilang/ Merosak/Membinasa)

10. Menggugurkan rambut/ bulu di badan
11. Memotong kuku

12. Memburu & membunuh binatang buruan
13. Menebang, mencabut pokok/tumbuh-tumbuhan

NOTA

Sengaja:
- Berdosa & dikenakan dam.

Tidak sengaja/Jahil:
- Tidak berdosa tetapi dikenakan dam.


NIAT BERSYARAT

NIAT BERSYARAT

Pengertian Niat Bersyarat

Niat umrah bersyarat ialah niat umrah yang dikaitkan dengan sesuatu, jika terhasil sesuatu itu maka dia terlepas daripada larangan ihram.

Contoh niat bersyarat menggunakan lafaz tahallul:




"Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah S.W.T.. Sekiranya aku terhalang oleh halangan syarak, sehingga aku tidak mampu untuk teruskan kerja umrahku, maka aku BERTAHALLUL."

NOTA **Jika jemaah menggunakan perkataan BERTAHALLUL, dia akan terlepas daripada larangan ihram setelah bergunting.**

NIAT BERSYARAT

Pengertian Niat Bersyarat

Contoh niat bersyarat menggunakan lafaz halal:



"Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah S.W.T.. Sekiranya aku terhalang oleh halangan syarak, sehingga aku tidak mampu untuk teruskan kerja umrahku, maka aku HALAL."

NOTA Jika jemaah menggunakan perkataan HALAL, secara automatik terlepaslah daripada larangan ihram dan tidak terikat lagi dengan kerja-kerja umrah.

NIAT BERSYARAT

Dalil Niat Bersyarat

"Dari Aisyah R.A.: Diba'ah binti Zubir masuk ke tempat Rasulullah S.A.W. dan berkata Ya Rasulullah saya ingin melaksanakan haji akan tetapi saya sakit, maka Rasulullah S.A.W. bersabda laksanakanlah haji dan bersyarat (menambah syarat dalam niat ihram) tempat Tahallulku di mana aku terhalang."

(Hadis Riwayat Muslim)

NIAT BERSYARAT

KEADAAN NIAT BERSYARAT YANG DIBOLEHKAN

- **Dalam keadaan tidak berhaid** dia berniat ihram umrah dengan menyertakan syarat: "Sekiranya aku kedatangan haid dan haidku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku."
- **Dalam keadaan berhaid** dia berniat ihram Umrah dengan menyertakan syarat: "Sekiranya haid aku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku."

NIAT BERSYARAT

KEADAAN NIAT BERSYARAT YANG TIDAK DIBOLEHKAN

- **Dalam keadaan tidak berhaid** dia berniat ihram umrah dengan menyertakan syarat: "Sekiranya haidku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku."
- **Dalam keadaan tidak berhaid** dia berniat ihram umrah tanpa menyatakan syarat, kemudian selang beberapa waktu, haidnya datang dan dia berkata: "Jika haid aku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku."

NIAT BERSYARAT

Dinasihatkan niat bersyarat hanya dalam keadaan berikut:

1. Ketika mengerjakan umrah selepas mengerjakan haji
2. Ketika mengerjakan umrah di luar musim haji



NIAT BERSYARAT

Tidak dibenarkan berniat ihram Haji bersyarat kerana dibimbangi tidak mendapat Haji pada tahun tersebut. Ini kerana Haji terikat dengan waktu tertentu.

UMRAH

Rukun Umrah 2: Tawaf



Tawaf ialah mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh (7) pusingan bermula dari sudut Hajar al-Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syaratnya.

UMRAH


Rukun Umrah 2: Tawaf

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

1. Menutup aurat
2. Suci daripada hadas besar dan kecil (mandi wajib dan ada wuduk)
3. Suci badan atau pakaian atau tempat tawaf daripada najis
4. Bermula dan berakhir pada sudut Hajar al-Aswad
5. Menjadikan Baitullah di sebelah kiri dan berjalan ke hadapan
6. Dilakukan dalam Masjid al-Haram dan di luar Kaabah, Hijr Ismail serta Syazarwan
7. Mengekalkan niat tawaf
8. Cukup tujuh (7) pusingan dengan yakin

UMRAH

Rukun Umrah 2: Tawaf



UMRAH

Rukun Umrah 2: Tawaf

1. Berjalan kaki
2. Beridhtiba' bagi tawaf diiringi dengan sa'ie (lelaki)
3. Mengucup Hajar al-Aswad pada permulaan Tawaf
4. Melakukan Raml (berlari anak) pada 3 pusingan pertama, bagi tawaf yang diikuti dengan sa'ie (lelaki)
5. Mengucup/Istilam*/ Isyarat ke arah Hajar al-Aswad sambil bertakbir lalu mengucup tapak tangan
6. Istilam*/Isyarat ke arah Rukun Yamani sambil bertakbir tanpa perlu mengucup tapak tangan
7. Muwalat/ berturut-turut tujuh (7) kali pusingan
8. Tawaf dengan khusyu' dan tawadhu'
9. Membaca al-Quran, zikir dan doa
10. Mendirikan solat sunat tawaf

NOTA


* Istilam adalah menyentuh Hajar al-Aswad dengan tangan atau alat.

UMRAH

Rukun Umrah 3: Sa'ie


SA'IE

Sa'ie ialah berjalan ulang-alik antara Bukit Safa dan Bukit Marwah menurut syarat-syaratnya.




UMRAH

Rukun Umrah 3: Sa'ie



UMRAH

Rukun Umrah 3: Sa'ie



UMRAH

Rukun Umrah 3: Sa'ie

SYARAT-SYARAT SAH SA'IE

1. Dilakukan selepas Tawaf Umrah.
2. Bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah.
3. Cukup 7 kali berulang-alik dengan yakin.
4. Hendaklah sampai ke penghujung tempat Sa'ie di kaki Bukit Marwah dan di kaki Bukit Safa pada setiap pusingan.
5. Hendaklah melakukan Sa'ie di tempat yang telah ditetapkan.
6. Mengekalkan niat Sa'ie.

UMRAH

Rukun Umrah 3: Sa'ie

AMALAN-AMALAN SUNAT SA'IE

1. Masuk ke tempat Sa'ie melalui pintu Safa (Bab al-Safa)
2. Dilaksanakan sejurus selepas mengerjakan Tawaf (muwalat antara Sa'ie dan Tawaf)
3. Sa'ie dalam keadaan berwuduk
4. Menaiki Bukit Safa dan Bukit Marwah bagi lelaki sahaja
5. Menghadap ke arah Kaabah sambil bertakbir (takbir 3 kali), berdoa semasa berada di Bukit Safa dan Bukit Marwah
6. Muwalat (berturut-turut) antara pusingan Sa'ie
7. Melakukan raml (berlari-lari anak) di kawasan yang bertanda lampu hijau (lelaki sahaja)
8. Beridhtiba' bagi lelaki
9. Berjalan kaki dengan perlahan-perlahan dan tenang
10. Mengelak kesesakan di tempat Sa'ie. Jika berlaku kesesakan di tempat Sa'ie, elakkan daripada menyakiti orang lain
11. Berdoa, berzikir dan membaca al-Quran
12. Suci daripada hadas kecil dan besar serta menutup aurat

UMRAH

Rukun Umrah 4: Bercukur/Bergunting

PENGERTIAN

- Menanggalkan/menghilangkan sekurang-kurangnya tiga (3) helai rambut di kepala dengan menurut syarat-syarat sahnya:

1. Waktu bergunting ialah selepas Sa'ie
2. Rambut di kepala
3. Tidak kurang 3 helai rambut

- Afdhal bercukur bagi lelaki dan bagi wanita memadai hanya bergunting rambut sekadar seruas jari walaupun hujung rambut.

- Sekiranya tiada rambut, boleh melalukan sahaja pisau cukur di kepala.

UMRAH

Rukun Umrah 5: Tertib

TERTIB → Tertib dikira sah apabila rukun umrah dilakukan mengikut susunan yang telah ditetapkan (perkara yang dahulu di dahulukan, perkara yang kemudian di kemudiankan).



UMRAH


Cara Mengerjakan Umrah

Di mana-mana sebelum berniat	Mandi sunat ihram	SUNAT
	Memakai pakaian ihram berwarna putih	SUNAT
	Sembahyang sunat ihram	SUNAT
Di Miqat (Tanah Halal)	Niat ihram Umrah	RUKUN
	Niat ihram Umrah di Miqat	WAJIB
Selepas niat sehingga bergunting	Menjaga larangan dalam masa berihram	WAJIB
Selepas niat sehingga mula tawaf	Talbiah	SUNAT
Di Baitullah	Tawaf Umrah	RUKUN
Di Mas'a	Sa'ie Umrah	RUKUN
Di Marwah / di mana-mana	Bercukur atau bergunting	RUKUN
	Tertib melaksanakan rukun	RUKUN

UMRAH



1 Niat ihram umrah






2 Niat ihram umrah di miqat (tanah halal)

3 Larangan ihram

4 Tawaf





5 Sa'ie



6 Bergunting /bercukur

7 Tertib pada semua rukun

UMRAH

Rumusan Umrah

1. Bagi Jemaah Haji Tamattu', sementara menunggu hari 8 Zulhijjah, mereka boleh melakukan umrah sunat beberapa kali. Niat umrah hendaklah dilakukan di Tanah Halal seperti di Tan'im.

2. Namun dinasihatkan kepada Jemaah Haji Tamattu' agar mereka tidak melakukan umrah apabila masuk 1 Zulhijjah. Ia adalah sebagai persiapan dari segi kesihatan dan fizikal untuk memulakan kerja-kerja Haji pada 8 Zulhijjah nanti.

3. Bagi Jemaah Haji yang telah selesai kerja-kerja Haji, boleh mengulangi umrah sebelum pulang ke tanah air atau Madinah, jika berkesempatan.

UMRAH

Rumusan Umrah

4 Jika telah berniat ihram Umrah walaupun umrah sunat, jemaah wajib menyelesaikan semua amalan berkaitan ibadat Umrah sehingga sempurna (jika tidak sempurna, masih terikat dengan larangan ihram).

5 Niat ihram umrah sunat tidak boleh dibatalkan walaupun dalam keadaan uzur, kecuali jemaah telah pun niat ihram bersyarat.

6 Ibadat umrah sunat atau wajib hendaklah disempurnakan sebelum melakukan Tawaf Wada'.